

30/10/2003

3,000 solat tarawih bersama PM

KUALA LUMPUR: Lebih 3,000 ahli Umno dari semua 165 bahagian akan menyertai majlis berbuka puasa dan tarawih bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Presiden Umno itu mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), hari ini.

Berdasarkan rekod ibu pejabat parti itu, jumlah teramai ahli Umno berbuka puasa bersama presiden parti selepas mesyuarat MT ialah kira-kira 1,000 orang.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata setiap bahagian akan menghantar 10 wakil untuk berbuka puasa bersama Perdana Menteri.

Namun, katanya, lebih 3,000 orang dijangka menyertai majlis berkenaan kerana ramai yang sudah memaklumkan kehadiran mereka.

"Agenda mesyuarat adalah seperti biasa kecuali tumpuan mungkin lebih kepada amanat Presiden parti. Mesyuarat di tingkat 39 (Pusat Dagangan Dunia Putra) itu akan bermula pada jam 3 petang.

"Perdana Menteri mungkin memberi amanat ringkas kepada ahli dari semua bahagian sebelum majlis berbuka puasa di Dewan Merdeka selepas itu," katanya sambil menambah ia akan diikuti sembahyang tarawih.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata mesyuarat hari ini lebih signifikan berbanding mesyuarat MT sebelumnya yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

Tumpuan ahli MT, katanya, pastinya kepada amanat terakhir Dr Mahathir sebagai presiden Umno yang seperti biasa dijangka mengandungi nasihat dan pesanan penting demi kepentingan parti.

"Setiap kali mempengerusikan mesyuarat Umno, Dr Mahathir sentiasa bersikap terbuka, sanggup mendengar pendapat semua ahli MT dan ada beliau suka berseloroh. Itu keistimewaan beliau," katanya.

Sementara itu, jurucakap ibu pejabat Umno berkata, pihaknya sudah membuat semua persiapan untuk majlis berbuka puasa bersama Dr Mahathir dengan lebih 3,000 tempat duduk disediakan.

Katanya, mesyuarat MT dijangka berakhir kira-kira jam 6 petang dan diikuti sidang akhbar ringkas, sebelum Dr Mahathir ke Dewan Merdeka untuk majlis berbuka puasa.